



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

**KENYATAAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**PENJELASAN BERHUBUNG PELANTIKAN SYARIKAT PUSAT PEMERIKSAAN KENDERAAN**  
**MOTOR (PPKM)**

PUTRAJAYA, 10 Februari 2025 – Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) ingin memberikan penjelasan terhadap persoalan yang dibangkitkan di media sosial berkenaan kelayakan dan pemilihan syarikat untuk melaksanakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM).

Sebagaimana sedia maklum, sebanyak 12 syarikat telah mengemukakan cadangan dalam proses Request For Proposal (RFP) sebelum tarikh tutup pada 31 Oktober 2024. Semua permohonan telah dinilai mengikut prosedur yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan 2.8 – Tatacara Perolehan Secara RFP yang berkuat kuasa sejak 29 November 2022.

Pemilihan syarikat adalah berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], termasuk syarat kelayakan, prosedur, peraturan, dan standard yang telah dipaparkan di laman sesawang MOT dan JPJ sejak 23 April 2024. Antara syarat utama yang perlu dipenuhi oleh syarikat yang menyertai proses RFP termasuk:

1. Berdaftar dan berlesen dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) serta pihak berkuasa tempatan (PBT).
2. Dimiliki sepenuhnya oleh syarikat tempatan dalam kategori Sdn. Bhd. atau Bhd.
3. Memiliki modal berbayar (paid up capital) sekurang-kurangnya RM10 juta sepanjang tempoh perkhidmatan.
4. Mempunyai modal pusingan (working capital) minimum RM5 juta setahun.
5. Memiliki sijil perakuan pematuhan standard daripada Jabatan Standard Malaysia dalam tempoh dua tahun dari tarikh tawaran.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

6. Menyediakan wang deposit atau bon minimum 5% daripada nilai modal pusingan.
7. Memperoleh Sijil Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) daripada Jabatan Alam Sekitar sebelum pelesenan.
8. Berdaftar sebagai ahli International Motor Vehicle Committee (CITA) dalam tempoh dua tahun daripada tarikh pelesenan.
9. Pemegang saham, pemilik syarikat, atau ahli lembaga pengarah syarikat tidak boleh mempunyai sebarang prosiding atau tindakan mahkamah atau disenaraihitam oleh mana-mana pihak berkuasa.

Hasil penilaian yang dibuat oleh Jawatankuasa Pelesenan dan Penilaian PPKM mendapati tiga syarikat yang terpilih memenuhi sepenuhnya syarat yang ditetapkan. MOT dan JPJ tidak menetapkan tempoh pendaftaran dengan SSM sebagai syarat kelayakan, sebaliknya keutamaan diberikan kepada kestabilan kewangan syarikat berdasarkan keupayaan menyediakan modal berbayar dan modal pusingan yang mencukupi.

Sejak 1994, PUSPAKOM merupakan satu-satunya syarikat yang diberi mandat untuk menjalankan pemeriksaan kenderaan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987. Oleh itu, tiada syarikat lain yang mempunyai pengalaman dalam melaksanakan fungsi-fungsi PUSPAKOM sebelum ini.

Dalam aspek pemilihan lokasi, penetapan dibuat berdasarkan konsep "cross subsidy" bagi memastikan keseimbangan perkhidmatan antara kawasan berkapasiti tinggi dan rendah. Konsep ini menghalang mana-mana syarikat daripada hanya memilih lokasi yang mempunyai volume tinggi semata-mata dan memastikan akses perkhidmatan pemeriksaan kenderaan kepada semua pengguna di seluruh negara.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Ingin ditegaskan semula bahawa padanan lokasi bagi memenuhi hasrat seperti di atas telah ditetapkan oleh JPJ/ MOT dan bukannya oleh pihak syarikat.

Surat tawaran kepada syarikat yang terpilih pada 7 Februari 2025 adalah kelulusan bersyarat, yang memerlukan syarikat memastikan penyediaan infrastruktur, peralatan, tenaga kerja, dan keperluan lain dalam tempoh 24 bulan sebelum lesen operasi dikeluarkan.

Oleh demikian, pendekatan ini tidak akan melibatkan sebarang implikasi kewangan terhadap pihak Kerajaan. Sekiranya syarikat gagal memenuhi syarat dalam tempoh yang ditetapkan, lesen operasi tidak akan diberikan.

Kementerian Pengangkutan menegaskan bahawa proses perolehan ini dilaksanakan berdasarkan tatacara perolehan dan kewangan yang berkuat kuasa bagi memastikan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang berkualiti, telus, dan kompetitif untuk manfaat rakyat.

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**  
**10 Februari, 2025**

**-TAMAT-**

---

**Tentang MOT:**

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

**Pertanyaan Media**  
**Kementerian Pengangkutan Malaysia**  
**Unit Komunikasi Korporat**

Tel +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)  
Faks +603 8892 0208  
E-mel [unitkomunikasikorporat@mot.gov.my](mailto:unitkomunikasikorporat@mot.gov.my)

